

## **KESAN MANIPULASI ARAHAN TERHADAP KREATIVITI MURID TAHUN LIMA DALAM MENGHASILKAN PRODUK DARIPADA PERIBAHASA MELAYU**

*(Effect of Manipulating Instructions towards Year Five Student's Creativity in Producing Products from Malay Proverbs)*

### **RUZITA SAIDIN**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[ruzitasaidin.rs@gmail.com](mailto:ruzitasaidin.rs@gmail.com)

### **SITI SANIAH ABU BAKAR**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[saniah@fbk.upsi.edu.my](mailto:saniah@fbk.upsi.edu.my)

### **MAKMUR HARUN**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[makmur@fbk.upsi.edu.my](mailto:makmur@fbk.upsi.edu.my)

#### **Dihantar pada:**

15 November 2020

#### **Diterima pada:**

20 Mac 2021

#### **Koresponden:**

[ruzitasaidin.rs@gmail.com](mailto:ruzitasaidin.rs@gmail.com)

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk membandingkan tahap kreativiti murid tahun lima yang menghasilkan produk daripada peribahasa Melayu. Kreativiti ialah harapan masa hadapan, namun berdepan dengan isu penyampaian pengajaran dan kefahaman guru yang tidak seimbang dengan keperluan terhadap kreativiti. Pengukuran kreativiti yang pelbagai menambah konflik kepada pelaksanaan pedagogi kreatif. Kajian ini menjalankan eksperimen terhadap aktiviti kreatif dan pengukurannya. Kaedah eksperimen dijalankan menggunakan ujian pasca dan data dianalisis secara kuantitatif. Seramai 90 orang murid Tahun 5 dari tiga buah sekolah di Hulu Selangor yang sama ciri dan kategori dipilih melalui pemilihan rawak dua peringkat sebagai sampel kajian. Sampel dibahagikan kepada tiga kumpulan: 1. Arahan Standard (AS), 2. Arahan Kreatif (AK) dan 3. Arahan Kreatif Terperinci (AKT). Produk peribahasa yang dihasilkan dinilai oleh tiga orang penilai secara pengadilan subjektif menggunakan teori implisit dengan lima skala Likert. Min tertinggi bagi skor kreativiti adalah bagi kumpulan AKT ( $M=26.75$ ,  $SP=3.31$ ) diikuti dengan kumpulan AK ( $M=23.53$ ,  $SP=4.62$ ) dan seterusnya kumpulan AS ( $M=19.98$ ,  $SP=3.54$ ). Terdapat perbezaan skor yang signifikan antara tiga kumpulan ini dengan nilai  $F=23.015$ , ( $p<.05$ ). Terdapat hubungan yang kukuh antara manipulasi arahan dengan tahap kreativiti murid dengan pekali  $r=.597$ ,  $sig.=.00$  ( $p<.05$ ). Untuk menjana kreativiti ke tahap terbaik, murid-murid di usia lingkungan 10 hingga 11 tahun memerlukan arahan dengan petunjuk kreatif dan contoh yang jelas selaras dengan Teori Perkembangan Kognitif oleh Jean Piaget. Kajian ini telah memberi sumbangan yang signifikan kepada usaha pengukuhan teori dan literatur mengenai pedagogi kreatif. Aktiviti kreatif artistik berpotensi sebagai nilai tambah kepada aktiviti sedia ada. Penggunaan teori implisit untuk mengukur kreativiti mempunyai kebolehpercayaan yang baik boleh diaplikasikan dalam PdPc.

**Kata kunci:** Pedagogi kreatif, kreativiti murid, produk peribahasa, penilaian subjektif, teori implisit

**Abstract:** This study was done to examine the effect of creative activities and manipulating instructions on the creativity of fifth-year student who create products from Malay proverbs. Creativity is the hope for future but is struggling with the issue of teaching technique and understanding that are not in line with the need. The divers creativity measurement added to the conflict on creative pedagogy. This study run an experiment on creative activities and the measurement. This was post-test true experimental design and data were analyzed using the quantitative approach. The study samples involved 90 fifth-year students from three school situated in Hulu Selangor with similar characteristic chosen by two step random sampling. Sample were divided into three groups to undergo creative activities to create products from Malay proverbs. Group 1 received Standard Instructions (AS), group 2 received Creative Instructions (AK) while, group 3 received detailed Creative Instructions (AKT). Products were analyze by three evaluator using subjective judgment in implicit theory by five Likert scale. Group AKT obtained the highest mean score for level of creativity ( $M=26.75$ ,  $SD=3.31$ ) followed by group AK ( $M=23.53$ ,  $SD=4.62$ ) and AS ( $M=19.98$ ,  $SD=3.54$ ). There is a significant difference between the three treatment groups with  $F=23.015$ , ( $p<.05$ ). There is a strong relationship between manipulated instructions with level of creativity (Coefficient value  $r=.597$ ,  $sig.=.00$ ,  $p<.05$ ). In order to create the optimum level of creativity, students between the ages of 10 to 11 years need creative indicators and clear examples consistent with the Theory of Cognitive Development by Jean Piaget. The implication of this research contribute to the effort to strengthen theories and literature in term of creative pedagogy. Artistic creative activities have the potential to added value to current activities. The used of implicit theory to measure creativity is reliable hence could be implemented to evaluate them.

**Keywords:** Creative pedagogy, student's creativity, proverb's product, subjective judgment, implicit theory

## PENGENALAN

Pedagogi kreatif dalam pengajaran Bahasa Melayu ialah satu tuntutan dalam menyokong usaha kerajaan ke arah pendidikan bertaraf dunia demi mencapai aspirasi negara. Pendidikan sejagat melihat kreativiti sebagai harapan masa hadapan (OECD 2018). Kajian terhadap kreativiti bukanlah sesuatu yang baharu dan pernah dinyatakan seawal abad ke-14, namun perkembangannya agak perlahan. Lazimnya kreativiti diberi definisi sebagai sesuatu yang baharu, mengejutkan, berkualiti tinggi dan memberi kesan yang besar (Sternberg 2018).


Pedagogi kreatif dalam sistem pendidikan di Malaysia harus dijalankan untuk menyampaikan isi kandungan dan mengatasi isu-isu dalam penguasaan sesuatu kemahiran. Salah satu isu dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu ialah penguasaan peribahasa yang rendah (Nor Hashimah & Junaini 2010; Hasmidar 2016) dan persepsi remaja yang menganggapnya sebagai bahasa klise yang sering digunakan dan dihafal oleh orang-orang tua sebagai bahan pidato dalam upacara adat (Rozita Radhiah 2016).

Pedagogi kreatif berupaya menarik minat murid kerana sifatnya yang luar biasa, tidak mengikut susunan, terbuka dan bebas. Hal ini penting untuk mengelakkan kemerosotan aplikasi peribahasa sebagai cerminan kehalusan budi, ketinggian ilmu serta pemikiran masyarakat Melayu dahulu ketika berbahasa (Noraini Shahida & Mascitah 2011).

## LATAR BELAKANG

Pedagogi kreatif melibatkan interaksi antara elemen-elemen pengajaran kreatif, pembelajaran kreatif dan mengajar kreativiti seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Pengajaran kreatif melibatkan guru yang mengajar dengan cara yang kreatif, manakala pembelajaran kreatif melibatkan aktiviti kreatif yang dijalankan oleh murid. Mengajar untuk kreativiti pula melibatkan teknik yang dapat menjana kreativiti murid. Salah satu kaedah dalam pengajaran Bahasa Melayu adalah menggalakkan murid menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan ilmu dan imaginatif (Zamri & Abdul Sukor 2009).



**RAJAH 1:** Tiga elemen dalam pedagogi kreatif  
(Sumber: Lin 2011)

Murid-murid menjalankan aktiviti berdasarkan panduan dan arahan guru. Arahannya sangat penting kerana ia merupakan bentuk strategi komunikasi lisan (Farah Nur & Maslida 2015) yang menghubungkan objektif guru dengan pemahaman murid. Oleh itu, untuk menjana kreativiti murid, arahan guru harus berupaya menggalakkan kreativiti mereka. Kreativiti dapat dijana melalui persekitaran terbuka. Persekitaran yang birokratik dan dipenuhi undang-undang kurang menggalakkan kreativiti (Muhammad Zaki et al. 2013).

Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) Bahasa Melayu peribahasa diajar secara langsung dan tidak langsung sebagai sisipan dalam pdpc Bahasa Melayu. Dalam ilmu berkaitan orang Melayu, peribahasa adalah antara sumber penting dan asli (Nor Hashimah & Junaini 2010). Justeru, ia amat perlu diberi perhatian. Sementelah, masyarakat umum mengakui bahawa elemen bahasa yang terbaik untuk merangkumkan nilai kemasyarakatan dan kepercayaannya ialah peribahasa. Kajian ini menumpukan kepada pengajaran peribahasa sebagai sisipan menggunakan pedagogi kreatif di kelas Tahun 5 sekolah rendah kebangsaan.

Murid-murid Tahun 5 di sekolah rendah kebangsaan berada dalam lingkungan usia 10 hingga 11 tahun. Menurut Teori Perkembangan Kognitif yang diasaskan oleh Jean Piaget, pada usia ini kanak-kanak berada di peringkat operasi konkrit. Kanak-kanak dapat menyelesaikan

masalah yang melibatkan peristiwa atau objek yang konkret, memperoleh konsep masa, ruang, sebab-musabab, kelajuan dan dapat menerima pendapat orang lain, (Azizi & Zainuddin 2010). Kanak-kanak pada usia 10-13 tahun berada pada peringkat *Pseudo-Naturalistik* yang sangat obses dengan kejayaan mereka sendiri (Lowenfeld 1957). Kejayaan ditentukan melalui tahap realistik lukisan mereka. Ternyata aktiviti melukis dapat memenuhi aspirasi kejayaan bagi murid Tahun 5.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Definisi kreativiti sukar dinyatakan secara tepat dan jitu. Kreativiti sebagai satu proses memformulasikan, menyemak semula dan menilai hipotesis dalam usaha menyelesaikan masalah yang tidak diketahui. Chua Yan Piaw (2016) mendefinisikan kreativiti sebagai suatu konsep abstrak, manakala menurut perspektif psikologi, kreativiti didefinisikan sebagai suatu keupayaan untuk menghasilkan sesuatu idea atau produk yang baharu dan bernilai.

Rentetan dari definisi kreativiti yang kabur, dunia pendidikan menghadapi kekangan dalam melaksanakan pedagogi kreatif. Pada tahun 2011, Akademi Kepimpinan Pengajaran Tinggi (AKEPT) mendapati, 50% pengajaran yang disampaikan di Malaysia tidak memuaskan dan tidak menggabungkan semangat kreativiti. Laporan UNESCO pula menunjukkan bahawa kebanyakan guru masih belum dapat memahami konsep asas pembelajaran bersepadu, pendidikan holistik, kreatif dan inovatif (KPM 2013).

Ternyata bahawa penyampaian pengajaran dan kefahaman guru tidak seimbang dengan keperluan terhadap kreativiti. Meskipun diakui pengajaran untuk membolehkan pelajar menggunakan kemahiran secara inovatif, kreatif dan luar biasa amat sukar dirancang dan dilaksanakan (Abu Bakar 2013). Chew Fong Peng dan Shashipriya (2014) melaporkan dapatan kajian mereka terhadap kemahiran berfikir kreatif dan kritis (KBKK) dalam pembelajaran KOMSAS menunjukkan perbezaan pendapat guru dengan murid. Terdapat isu dalam pelaksanaan KBKK. PdPc Bahasa Melayu turut menghadapi masalah ini. Seorang guru Bahasa Melayu perlu merancang untuk menjana kreativiti murid dalam mengatasi isu penguasaan sistem bahasa yang telah sedia membelenggu seperti peribahasa.

Pedagogi kreatif amat diperlukan bagi mengatasi isu penguasaan peribahasa yang kian meruncing. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa 60% pelajar remaja atau golongan muda gagal menguasai kemahiran peribahasa dengan baik (Hasmidar 2016). Penguasaan peribahasa dalam kalangan remaja Melayu berhubung soalan yang dikemukakan juga rendah, iaitu 46.2% remaja Melayu berada pada tahap tidak memuaskan. Rozita Radhiah (2016) mencadangkan agar kaedah guru Bahasa Melayu mengajarkan peribahasa perlu lebih jelas, berinformasi, telus dan kreatif.

Kajian ini melibatkan eksperimen menggunakan pedagogi kreatif sisipan peribahasa dalam PdPc bahasa Melayu. Dalam menjana kreativiti, salah satu teknik yang dicadangkan ialah aktiviti yang bersifat terbuka (Lin 2011; Saliceti, 2015, Weinberger et al. 2016). Oleh sebab definisi kreativiti yang meluas dan tidak jelas, hasrat untuk mengukur kreativiti dengan ketepatan dan jitu tidak mungkin dapat dicapai (Batey 2012). Dalam kajian terdahulu, terdapat sekurang-kurangnya 60 instrumen ujian kreativiti yang telah dibangunkan, namun tiada yang benar-benar dapat mengukur kreativiti (Villalba 2015).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan melihat kesan aktiviti kreatif dan manipulasi arahan terhadap tahap kreativiti produk peribahasa murid Tahun 5 di Hulu Selangor. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti perbezaan skor min tahap kreativiti tiga kumpulan murid Tahun 5 yang menerima arahan berbeza dalam menghasilkan produk peribahasa
2. Menganalisis hubungan antara manipulasi arahan dengan tahap kreativiti tiga kumpulan murid Tahun 5 yang menerima arahan berbeza dalam menghasilkan produk peribahasa

## **SOALAN KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk menjawab persoalan-persoalan kajian seperti berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap kreativiti tiga kumpulan yang menerima arahan berbeza dalam menghasilkan produk peribahasa?

2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan tiga jenis arahan dengan tahap kreativiti kumpulan yang menghasilkan produk peribahasa?

## HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan dapatan dari kajian lepas, hipotesis alternatif bagi kajian ini dinyatakan seperti berikut:

- Ha1: Terdapat perbezaan yang signifikan tahap kreativiti tiga kumpulan murid yang menerima arahan berbeza dalam menghasilkan produk peribahasa.
- Ha2: terdapat hubungan yang signifikan antara tiga jenis arahan dengan tahap kreativiti murid yang menghasilkan produk peribahasa.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian ini melibatkan teknik dengan manipulasi arahan yang dapat menjana kreativiti murid semasa mereka melakukan aktiviti kreatif. Teknik pengajaran merupakan alat yang digunakan oleh guru bahasa untuk menyampaikan bahan-bahan yang telah dipilih terhadap murid-muridnya (Siti Saniyah & Adenan 2013).

### Kajian Manipulasi Arah

Kajian terhadap manipulasi arahan banyak dijalankan di sebelah barat. Antaranya kajian oleh Harrington (1975) yang mendapati bahawa arahan kreatif ‘serlahkan kreativiti’ (*be creative*) dan prosedur skor kualiti berfungsi dengan lebih baik daripada arahan standard dengan prosedur skor kuantiti semata-mata. Kajian oleh Niu dan Sternberg (2003) pula mendapati pelajar membuat kolaj yang lebih kreatif apabila diberi arahan kreatif dan menghasilkan kolaj yang lebih kreatif lagi apabila diberi penerangan yang lebih terperinci berbanding pelajar yang menerima arahan standard.

Selain itu, Nusbaum et al. (2014) menggunakan arahan “serlahkan kreativiti” dalam eksperimen kegunaan tali dan kegunaan kotak. Mereka mencadangkan agar arahan “serlahkan kreativiti” dijadikan keperluan dalam pedagogi kreatif. Kajian seterusnya yang dijalankan oleh Weinberger et al. (2016) mendapati petunjuk kreatif telah mencungkil tambahan prestasi kreativiti dalam tugasannya terbuka

untuk mencari analogi. Rosen et al. (2017) pula mendapati arahan agar bermain piano dengan lebih kreatif telah menunjukkan peningkatan yang sangat besar bagi pemuzik yang kurang pengalaman. Pemuzik yang banyak pengalaman tidak terkesan.

Ternyata dapatan kajian terdahulu menunjukkan arahan ‘serlahkan kreativiti’ secara saintifik memberi kesan yang signifikan terhadap pemikiran kreatif. Namun begitu, kajian melibatkan manipulasi arahan bagi melihat kesan terhadap kreativiti sukar ditemui disebelah rantau asia. Demikian juga kajian manipulasi arahan dalam PdPc Bahasa Melayu di Malaysia sangat sukar ditemui. Kebanyakan kajian dalam bidang kreatif berkisar tentang falsafah, anekdot atau polemik. Justeru, kajian ini diharap dapat membuka sedikit ruang terhadap kajian kreatif dalam PdPc Bahasa Melayu.

### Pengukuran Kreativiti

Amabile dalam Batey (2012) mengelaskan tiga teknik dalam pengukuran kreativiti iaitu ujian kreativiti, analisis produk secara objektif dan pengadilan secara subjektif. Produk peribahasa dinilai menggunakan lima skala Likert. Nusbaum et al. (2014) juga menggunakan lima skala Likert dalam mengukur kreativiti responden yang memberi kegunaan senarai alatan dalam kajiannya.

Skala Likert tujuh mata pula digunakan dalam kajian oleh Niu dan Sternberg untuk menilai hasil kerja seni pelajar universiti di Beijing dan Amerika Syarikat. Kajian ini menggunakan pengadilan produk secara subjektif kerana ia memberi sumbangan yang besar dalam kajian berkaitan kreativiti. Pengadilan secara subjektif menggunakan teori implisit. Teknik pengukuran ini diberi pandangan berbeza-beza kerana tidak disandarkan kepada teori saintifik.

Teknik pengadilan menggunakan skala Likert memberi harapan kepada kajian menggunakan kaedah eksperimen yang sangat kurang dijalankan. Justeru, kajian ini menumpukan kepada teori implisit dalam menilai kreativiti produk murid Tahun 5.

### Teori Implisit sebagai Pengukuran Kreativiti

Teori implisit terhadap kreativiti berbeza merentas budaya. Setiap budaya memberi tafsiran dengan

cara yang berbeza dalam aturan berlainan (Sternberg 2018). Teori implisit adalah pandangan bukan ahli sains. Ahli sains berpegang kepada teori nyata – teori eksplisit – yang telah dibincangkan, diuji, dikongsi dan dinyatakan. Teori implisit berhubung terus dengan pengadilan secara subjektif. Amabile dalam Carroll dan Latulipe (2011) menyokong pengadilan secara subjektif kerana menurut beliau, dengan membenarkan seseorang menggunakan definisi sendiri membantu mereka untuk lebih konsisten dan memberi keputusan yang lebih dipercayai.

Kajian ini menggunakan asas definisi sendiri dalam menilai produk yang dihasilkan oleh murid. Tiada rubrik diberikan. Penilai menggunakan skala 1 = sangat rendah hingga skala 5 = sangat tinggi. Guru, ibu bapa, murid dan pentadbir berpegang kepada teori implisit (Pisanu, 2016). Kajian ini mengambil tiga orang penilai dalam kalangan guru bahasa Melayu yang berpengalaman luas, guru penolong kanan kokurikulum (pentadbir) yang turut berpengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan seorang dalam kalangan penjaga murid. Di samping itu, skor terkumpul yang diberi oleh Penilai 1, Penilai 2 dan Penilai 3 merupakan data yang dianalisis untuk melihat ketekalan teori implisit dan konsensus antara penilai.


## Model Pembelajaran Kreatif

Model pembelajaran kreatif oleh Beghetto (2016) menghubungkan antara kreativiti dan pembelajaran. Rajah 2 menunjukkan Model Pembelajaran Kreatif yang digunakan dalam kajian ini.

Model ini menerangkan tentang proses kreativiti dalam PdPc dalam kreativiti. Proses pembelajaran kreatif dinyatakan sebagai gabungan intra-psikologi (dalaman individu) dan inter-psikologi (sosiobudaya). Model pembelajaran kreatif dimulai dengan rangsangan dan diakhiri dengan sumbangan asli. Model ini menjelaskan peranan kreativiti dalam pembelajaran individu iaitu kreativiti dalam pembelajaran dan peranan perkongsian pembelajaran individu dalam membuat sumbangan kreatif kepada orang lain iaitu pembelajaran dalam kreativiti.

Model ini menerangkan bagaimana pemahaman baharu terhasil daripada proses kreatif yang menggabungkan maklumat baharu dan

pengalaman dengan pemahaman sebelumnya. Kreativiti menyokong pembelajaran individu dan membolehkan seseorang memberi sumbangan kreatif kepada orang lain. Melalui perkongsian pembelajaran bermakna pula, seseorang individu dapat memberi sumbangan kreatif kepada orang lain. Kesimpulannya, model ini menunjukkan proses pembelajaran kreatif sebagai gabungan intra-psikologi (dalaman individu) dan inter-psikologi (sosiobudaya).



RAJAH 2: Model Pembelajaran Kreatif oleh Beghetto (2016)

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian eksperimental benar reka bentuk ujian pasca. Reka bentuk ujian pasca merupakan reka bentuk eksperimental benar yang paling ringkas tetapi mempunyai kesahan dalaman yang tinggi (Chua Yan Piaw 2016). Dalam reka bentuk ini, responden-responden kajian diagihkan ke dalam tiga kumpulan secara rawak atau cubaan kawalan rawak dan boleh ubah bersandar diukur melalui ujian pasca. Kajian ini menggunakan perbandingan relatif antara kumpulan.

### Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di daerah Hulu Selangor, Selangor. Tiga buah sekolah telah dipilih berdasarkan ciri-ciri yang sama. Jadual 1

menunjukkan sekolah-sekolah yang terlibat dengan eksperimen.

#### JADUAL 1: Sekolah yang terlibat dengan eksperimen

Bil	Kod Sekolah	Gred	Peratus Pencapaian UPSR 2017	Bil Respon-den	Kump.	Lokasi
1.	BBA 502X	A	74.29%	30	Kump. AS	Luar Bandar
2.	BBA 500Y	A	71.62%	34	Kump. AK	Luar Bandar
3.	BBA 502Z	A	75.00%	32	Kump. AKT	Luar Bandar
<b>Jumlah</b>						<b>126</b>

#### Pensampelan Kajian

Pensampelan rawak dua peringkat dijalankan. Pada mulanya data yang diterima dari Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor dianalisis. Terdapat 32 buah sekolah kebangsaan di Hulu Selangor yang terlibat sebagai populasi kajian. Murid Tahun 5 berjumlah  $n = 3298$ . Sekolah-sekolah ini dikelompokkan kepada beberapa kumpulan berdasarkan ciri-ciri yang sama.

Selepas itu kumpulan-kumpulan ini dipilih secara rawak. Kumpulan yang dipilih mengandungi empat buah sekolah. Oleh itu, undian dibuat untuk memilih tiga buah sekolah yang mewakili tiga kumpulan. Sekolah-sekolah yang dipilih berada di luar bandar, gred A dengan pencapaian kelulusan UPSR 2017 di antara 71%-75%.

Pilihan secara rawak dilakukan sekali lagi untuk menentukan kumpulan masing-masing. Setiap sekolah mewakili satu kumpulan eksperimen. Jumlah murid dalam tiga buah sekolah  $n = 125$ . 96 orang terpilih sebagai sampel kerana berada di dalam kelas yang pertama. Akhirnya, 6 sampel digugurkan kerana tidak dapat mengikuti 10 siri rawatan dengan lengkap. 30 orang sampel setiap kumpulan telah mengikuti eksperimen ini menjadikan jumlah keseluruhan 90 orang. Responden dalam setiap kumpulan menerima arahan berlainan yang dibacakan oleh guru untuk menghasilkan produk peribahasa. Kumpulan-kumpulan dinamakan berdasarkan jenis arahan seperti berikut:

1. Kumpulan Arahan Standard (AS).
2. Kumpulan Arahan Kreatif (AK).
3. Kumpulan Arahan Kreatif Terperinci (AKT).

#### Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini merupakan set tiga jenis arahan untuk melakukan aktiviti kreatif. Ia disediakan dalam bentuk kad arahan. Guru-guru akan membacakan arahan seperti yang tertera. Arahan-arahan tersebut adalah seperti berikut:

1. Arahan Standard (AS) bagi kumpulan rawatan 1: Salin semula peribahasa serta maksudnya pada kertas A4.
2. Arahan Kreatif (AK) bagi kumpulan rawatan 2: Salin semula peribahasa serta maksudnya pada kertas A4. Gunakan imaginasi dan serlahkan kreativiti kamu. Kamu bebas untuk menggunakan apa sahaja idea yang dapat difikirkan.
3. Arahan Kreatif Terperinci (AKT) bagi kumpulan rawatan 3: Salin semula peribahasa serta maksudnya pada kertas A4. Gunakan imaginasi dan serlahkan kreativiti. Kamu boleh melukis huruf dengan pelbagai bentuk dan rupa, melukis gambar atau apa sahaja idea yang disukai.

Set arahan ini telah melalui kajian rintis dan diperiksa oleh tiga orang pakar dalam bidang Bahasa Melayu dan Pendidikan Seni Visual. Penambahbaikan telah dilakukan sesuai dengan cadangan pakar-pakar ini.

Selain daripada set arahan, satu senarai peribahasa turut digunakan dalam eksperimen ini. Responden menyalin satu peribahasa dan maknanya setiap minggu mengikut arahan yang dibaca oleh guru. Setiap kumpulan menerima arahan berlainan namun menggunakan peribahasa yang sama. Peribahasa ini berubah mengikut minggu pertama hingga minggu 10. Hasil kerja murid menyalin peribahasa ini dinilai oleh Penilai 1, Penilai 2 dan Penilai 3.

Instrumen pengukuran skor pula menggunakan skala lima mata. Chileshe dan Watson, (2004) menyatakan bahawa skala yang lebih daripada lima mata meningkatkan risiko kehilangan maklumat. Tahap kreativiti yang berhasil akibat manipulasi arahan semasa menjalankan aktiviti kreatif berfungsi sebagai ujian pasca. Oleh itu, terdapat 10 set data tahap kreativiti bagi setiap responden.

Skor kreativiti ini dijumlahkan untuk mendapatkan skor sebenar dan skor min yang boleh berfungsi sebagai skala sela. Bagi


pengukuran yang dapat dilakukan beberapa kali, nilai purata yang diperoleh dapat mengurangkan sisihan, iaitu ralat rawak (Chua Yan Piaw 2016). Setiap penilai pula memberi skor masing-masing dan data dianalisis secara berasingan. Oleh itu, kreativiti murid dioperasionalisasikan dalam bentuk skor. Skor min dan interpretasi Tschannen-Moran dan Gareis (2004) digunakan dalam kajian ini seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2: Skor min dan interpretasi

Skor Min	Interpretasi
1.00 - 1.80	Sangat rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

### DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian. Analisis data menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 23. Dapatan diuraikan berdasarkan soalan kajian. Data-data diperoleh melalui skor yang diberi oleh tiga orang penilai. Ketekalan penilai diuji menggunakan alpha Cronbach. Penggunaan alpha Cronbach sangat popular dalam dunia penyelidikan, Othman (2018). Nilai alpha Cronbach bagi ketiga-tiga penilai ialah .832 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik. Hal ini menunjukkan ketiga-tiga penilai telah memberi skor dengan konsep yang boleh dipercayai antara satu sama lain.



GRAF 1: Skor min tahap kreativiti yang diberi oleh tiga orang penilai

Graf 1 menunjukkan skor tahap kreativiti yang diberi oleh tiga orang penilai. Meskipun terdapat perbezaan skor, namun ketiga-tiga penilai memberi skor paling rendah bagi kumpulan AS, diikuti kumpulan AK dan paling tinggi bagi kumpulan AKT

### Soalan Kajian 1

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap kreativiti tiga kumpulan yang menerima arahan berbeza dalam menghasilkan produk peribahasa?

*Hipotesis alternatif 1: Ha1: Terdapat perbezaan yang signifikan tahap kreativiti tiga kumpulan murid yang menerima arahan berbeza dalam menghasilkan produk peribahasa.*

Skor min tahap kreativiti setiap kumpulan dilihat melalui skor yang diberi oleh Penilai 1, Penilai 2 dan Penilai 3. Skor min diperoleh daripada purata jumlah semua skor kreativiti bagi sepuluh produk peribahasa yang dihasilkan oleh setiap murid dalam kumpulan masing-masing. Setiap kumpulan mengandungi n=30 orang murid. Ini bermakna 300 produk peribahasa telah dihasilkan oleh setiap kumpulan. Setiap produk diberi skor antara satu (1) hingga lima (5) mata. Skor minimum ialah 10 mata manakala skor maksimum bagi penilaian produk ialah 50 mata.

Data yang diperoleh dianalisis untuk melihat perbezaan tahap kreativiti antara tiga kumpulan AS, AK dan AKT. Ujian keseragaman telah dapat dipenuhi. Seterusnya ujian ANOVA satu hala dijalankan dan memaparkan dapatan bagi nilai SS (*sum of square*) antara kumpulan dengan nilai F=23.015 ( $p<.05$ ) seperti dalam Jadual 3.

JADUAL 3: Keputusan ujian ANOVA satu hala skor tahap kreativiti


Sumber	Sum of Square	Df (df)	Min square	F	Sig
Antara Kumpulan	689.630	2	344.815	23.015	.000
Dalam Kumpulan	1303.437	87	14.982		
<b>Jumlah</b>	<b>1993.067</b>	<b>89</b>			

Jadual 3 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan skor tahap kreativiti murid terhadap tiga jenis arahan dalam menghasilkan produk peribahasa. Seterusnya ujian Tukey HSD (*Honesty Significant Difference*) digunakan untuk menentukan pasangan yang menunjukkan perbezaan yang signifikan. Keputusan perbandingan berbilang ditunjukkan dalam Jadual 4.

**JADUAL 4:** Perbandingan berbilang pemboleh ubah bersandar: Tahap kreativiti

(I) Kump	(J) Kump.	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piaawai	Sig.	95% Selang Keyakinan	
					Sem-padan Bawah	Sem-padan Atas
Kump. AS	Kump. AK	-3.5556*	.99940	.002	-5.9386	-1.1725
	Kump. AKT	-6.7778*	.99940	.000	-9.1608	-4.3947
Kump. AK	Kump. AS	3.5556*	.99940	.002	1.1725	5.9386
	Kump. AKT	-3.2222*	.99940	.005	-5.6053	-.8392
Kump. AKT	Kump. AS	6.7778*	.99940	.000	4.3947	9.1608
	Kump. AK	3.2222*	.99940	.005	.8392	5.6053

Perbandingan berbilang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan AS ( $M=19.98$ ,  $SD=3.54$ ) dan AK ( $M=23.53$ ,  $SD=4.63$ ) juga antara AS ( $M=19.98$ ,  $SD=3.54$ ) dengan AKT ( $M=26.76$ ,  $SD=3.31$ ). Kumpulan AK ( $M=23.53$ ,  $SD=4.63$ ) dan AKT ( $M=26.76$ ,  $SD=3.31$ ) turut menunjukkan perbezaan yang signifikan. Oleh itu, hipotesis alternatif 1 diterima.



**GRAF 2:** Perbandingan tahap kreativiti kumpulan dalam bentuk graf.

Graf 2 pula adalah perbandingan nilai min dalam bentuk graf. Skor min kumpulan Arahan Standard (AS) lebih rendah diikuti skor min kumpulan Arahan Kreatif (AK). Skor min kumpulan Arahan Kreatif Terperinci (AKT) adalah yang tertinggi. Graf menunjukkan perbezaan skor min yang ketara antara tiga jenis arahan.

## Soalan Kajian 2

Adakah terdapat hubungan yang signifikan tiga jenis arahan dengan tahap kreativiti kumpulan yang menghasilkan produk peribahasa

*Hipotesis alternatif 2: Ha2: Terdapat hubungan yang signifikan antara tiga jenis arahan dengan tahap kreativiti murid yang menghasilkan produk peribahasa.*

Analisis varian sehala membandingkan skor kreativiti terhadap arahan yang mengandungi tiga kategori kumpulan. (AS, AK dan AKT). Ujian normaliti tidak dapat dipenuhi maka kesan manipulasi diuji menggunakan analisis statistik Spearman rho. Nilai pekali  $r=.597$ ,  $sig.=.00$  ( $p<.05$ ) menunjukkan hubungan linear yang positif sederhana kuat. Skor kreativiti meningkat dari AS kepada AK hingga AKT. Jadual 5 menunjukkan hubungan kategori arahan dengan skor tahap kreativiti

**JADUAL 5:** Korelasi antara manipulasi arahan dengan skor kreativiti

Kategori arahan			
Spearman's rho	Skor kreativiti	tahap	Correlation coefficient
			.597**
		Sig. (2-tailed)	.000
		N	90
Kategori arahan	Correlation coefficient		1.000
		Sig. (2-tailed)	

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Berdasarkan analisis varian yang ditunjukkan, maka hipotesis alternatif ke-2 diterima. Terdapat hubungan yang signifikan antara tiga jenis arahan dengan tahap kreativiti murid yang menghasilkan produk peribahasa.

## PERBINCANGAN

Tahap kreativiti produk peribahasa yang dihasilkan oleh tiga kumpulan murid ternyata berbeza secara signifikan. Dapatan ini membuktikan peranan rangsangan dalam Model Pembelajaran Kreatif oleh Beghetto. Kreativiti kurang diberi perhatian oleh responden dari kumpulan yang menerima arahan standard (AS) yang terbuka dan bebas kerana rangsangan yang tidak menekankan aspek tersebut secara jelas. Namun begitu, terdapat seorang responden yang memperoleh tahap kreativiti tinggi di sebalik rangsangan yang tidak optima. Dapatan ini konsisten dengan kajian oleh Rosen et al. (2017) yang mendapati ahli muzik yang berpengalaman tetap menghasilkan kreativiti tinggi walau pun tanpa rangsangan. Terdapat pengaruh lain seperti motivasi dan kecerdasan visual ruang yang memberi kesan kepada responden tertentu.

Arahan dengan petunjuk kreatif (AK) telah memberi rangsangan yang jelas membolehkan sebahagian besar menghasilkan produk yang sederhana kreatif. Kumpulan AKT memperoleh 93.3% pencapaian tahap kreativiti sederhana. Arahan yang diberi kepada kumpulan ini jelas kerana menyatakan kreativiti dan imaginasi secara langsung di samping menyertakan contoh-contoh yang memberi pemahaman lebih optima kepada murid yang berada di fasa operasi konkret. Hal ini menjelaskan bagaimana arahan kreatif terperinci (AKT) menghasilkan tahap kreativiti yang tertinggi antara tiga kumpulan yang menjalani eksperimen melalui rangsangan yang jelas dan optima. Tiada responden di tahap kreativiti rendah manakala dua responden dari kumpulan AKT mendapat tahap kreativiti tinggi dengan kelebihan 200% daripada kumpulan AS dan AK.

Pengadilan secara subjektif menggunakan teori implisit ternyata dapat dipercayai dan boleh disahkan. Hal ini ditunjukkan melalui dapatan alpha Cronbach .837 menunjukkan tahap baik. Meskipun setiap penilai menggunakan definisi sendiri dalam menilai tahap kreativiti, ternyata mereka konsisten antara satu sama lain. Setiap

penilai memberi skor rendah bagi kumpulan AS diikuti kumpulan AK dan memberi skor tertinggi kepada kumpulan AKT. Pengukuran kreativiti menggunakan teori implisit memberi harapan kepada pedagogi kreatif untuk terus berkembang.

## KESIMPULAN

Kreativiti adalah harapan manusia untuk meneruskan kelangsungan dalam kehidupan akan datang yang tidak dapat dijangka (OECD, 2018). Teknik arahan yang ringkas ini telah banyak diaplikasikan dalam kajian-kajian sebelum ini (Harrington 1975; Niu & Sternberg 2003; Rosen et al. 2017) dan lain-lain lagi. Manipulasi arahan ini juga ternyata memberi kesan berbeza mengikut umur.

Oleh itu, kajian lanjutan eksperimen manipulasi arahan terhadap demografi berlainan dapat menjelaskan lagi kesan yang dijana. Aktiviti kreatif dalam bidang bahasa perlu dilihat dari sudut pandang yang lebih luas dan terbuka. Selain daripada penjanaan kreativiti dalam penulisan berbentuk mentalis, bentuk mekanis juga sesuai diaplikasikan dan mempunyai potensi dalam pembangunan reka bentuk serta nilai artistik, (Muhamad Zaki et al. 2013).

Lebih banyak kajian berkaitan teknik menjana kreativiti murid perlu dijalankan demi memastikan pendidikan di Malaysia dapat beradaptasi dengan arus globalisasi. Para guru harus menggunakan teknik yang dapat menjana kreativiti. Penyelidik bidang kreatif berpegang kepada pandangan bahawa kanak-kanak adalah kreatif secara semula jadi, terbuka kepada pengalaman dan cenderung untuk tertarik dengan perkara baharu. Kualiti ini akan lenyap jika orang dewasa tidak memupuk dengan persekitaran yang tidak menggalakkan (Esquivel 1995; Lin 2011; Burnett & Gerra 2016)

Pengukuran kreativiti yang pelbagai telah memberi sumbangan dalam perkembangan kajian kreatif. Penyelidik boleh memilih kaedah penilaian mengikut kesesuaian masing-masing. Kajian lanjutan khusus membincangkan kaedah pengukuran kreativiti amat dialu-alukan demi membuka ruang yang lebih luas dalam penyelidikan berkaitan kreativiti. Dalam kesukaran merancang, mengaplikasikan dan mendorong murid untuk menjana kreativiti, usaha berterusan tetap diperlukan. Oleh itu, mintalah sahaja mereka untuk menjadi kreatif, pasti mereka berbesar hati

untuk menyerlahkan kreativiti yang telah dimiliki sejak azali.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin. (2013). Kurikulum ke arah penghasilan kemahiran berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1 (1): 10-18.
- Azizi Yahaya & Zainuddin Abu Bakar. (2010). *Teori-teori Perkembangan Psikologi Pendidikan*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah
- Batey, M. (2012). The measurement of creativity: From definitional consensus to the introduction of a new heuristic framework. *Creativity Research Journal*, 24 (1): 55-65.
- Beghetto, R.A. (2016). Creative learning: A fresh look. *Journal of Cognitive Education and Psychology*, 15 (1): 6-23.
- Campbell, D.T. & Stanley, J.C. (1966). *Experimental and Quasi-Experimental Design for Research*. Boston: Cengage Learning.
- Carroll, E.A. & Latulipe, C. (2011). Capturing “in the moment” creativity through data triangulation. In *Proceedings of the 8th ACM Conference on Creativity and Cognition*, pp: 321.
- Chew F.P. & Shashipriya Nadaraja. (2014). Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pembelajaran KOMSAS di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (2): 10-24.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi ke-3. Shah Alam: McGraw-Hill.
- Creswell. (2013). *Review of the Literature. In Research Design Qualitative Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks: Sage Publication.
- Farah Nur A. Hamid & Maslinda Yusof. (2015). Analisis struktur fokus dalam komunikasi arahan guru di dalam bilik darjah. *Jurnal Melayu*, 14 (2): 346-361.
- Harrington, D.M. (1975). Effects of explicit instructions to “be creative” on the psychological meaning of divergent thinking test scores. *Journal of Personality*, 43(3): 434-454.
- Hasmidar Hassan. (2016). Penginterpretasian peribahasa dan hubungannya dengan kemahiran berfikir: Analisis berdasarkan hubungannya dengan kemahiran befabrik. *Jurnal Bahasa*, 16 (June): 94-119.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lin, Y.S. (2011). Fostering creativity through education: A conceptual framework of creative pedagogy. *Creative Education*, 2 (3): 149-155.
- Lowenfeld, V. (1957). *Creative and Mental Growth*. 3rd Edition. New York: Macmillan.
- Muhamad Zaki Samsudin et.al. (2013). *Amalan kreativiti guru dalam pengajaran pendidikan asas vokasional (PAV)*. PPI-UTM TESIC 2013.
- Niu, W. & Sternberg, R.J. (2003). Societal and school influences on student creativity: The case of China. *Psychology in the Schools*, 40 (1): 103-114.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaidi Kasdan. (2010). *Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nusbaum, E.C., Silvia, P.J. & Beaty, R.E. (2014). Ready, set, create: What instructing people to “be creative” reveals about the meaning and mechanisms of divergent thinking. *Psychology of Aesthetics, Creativity and the Arts*, 8 (4): 423-432.
- OECD. (2018). The future of education and skills education 2030. OECD. Retrieved from [http://www.oecd.org/education/2030/E2030\\_Position\\_Paper\\_\(05.04.2018\).pdf](http://www.oecd.org/education/2030/E2030_Position_Paper_(05.04.2018).pdf)
- Othman Talib (2018). *SPSS Analisis data kuantitatif untuk penyelidik muda*. Bangi MPWS Rich Publication Sdn. Bhd
- Pisanu, F. (2016). Six-monthly journal on learning research and innovation in education. *Ricercazione*, 8 (December): 21-38.
- Rosen, D.S., Kim, Y.E., Mirman, D. & Kounios, J. (2017). All you need to do is ask? The exhortation to be creative improves creative performance more for nonexpert than expert Jazz musicians. *Psychology of Aesthetics, Creativity and the Arts*, 11 (4): 420-427.
- Rozita Radhiah Said. (2016). Peribahasa: Manifestasi pemikiran aras tinggi bangsa. *Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 3 (2): 261-270.

- Saliceti, F. (2015). Educate for creativity: New educational strategies. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 197 (February): 1174-1178)
- Sannomiya, M. & Yamaguchi, Y. (2016). Creativity training in causal inference using the idea post-exposure paradigm: Effects on idea generation in junior high school students. *Thinking Skills and Creativity*, 22 (July 2015): 152-158.
- Siti Saniah Abu Baka, & Adenan Ayob. (2013). Persepsi pensyarah terhadap penerimaan pelajar asing dalam teknik pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3 (2): 31-40.
- Sternberg, R.J. (2018). A triangular theory of creativity. *Psychology of Aesthetics, Creativity, and the Arts*, 12 (1): 50-67.
- Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R., (2004). Principle's sense of efficacy: assessing a promising construct. *Journal of Educational Administration*, 42 (5): 573-585.
- Villalba, E. (2015). Towards and *Understanding of Creativity and its Measurements*. Luxembourg: European Commission.
- Weinberger, A.B., Iyer, H., & Green, A.E. (2016). Conscious augmentation of creative state enhances real creativity in open-ended analogical reasoning. *PLoS ONE*, 11 (3): 1-13.
- Zamri Salleh & Abdull Sukor Shaari. (2009). Kesan model unsur tautan terhadap pengajaran karangan Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 6: 55-78.